

edisi khas



[FOTO IHSAN UPM]

Prof Mohammad Shatar (dua dari kanan) merasmikan Majlis Prapelancongan HINEX 2016.

info

HINEX

→ Diperkenalkan pada tahun 1989 di Kem Coronation, Botanical Garden, Pulau Pinang.
→ HINEX 2016 adalah penganjuran tahun ke-14.
→ HINEX 2016 dijangka dihadiri 300 peserta.

UPM pacu kepentingan kokurikulum

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Serdang

Bagi memberi nilai tambah kepada kece-merlangan akademik, mahasiswa disaran membabitkan diri dalam aktiviti kokurikulum sepanjang menuntut di universiti awam (UA) atau institusi pengajian tinggi (IPT).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata ketika ini, kelayakan akademik saja sudah tidak mampu menjamin mahasiswa menjadi insan, masyarakat atau warga berjaya, sebaliknya

mereka juga perlu memiliki beberapa nilai tambah untuk memajukan diri.

"Antara nilai tambah yang boleh disuntik dalam kalangan pelajar ialah melalui penyertaan dalam badan beruniform di universiti masing-masing. Satu daripada badan beruniform ditawarkan di UPM ialah Pengakap Kumpulan Latihan Kelana Siswa (KLKM).

"Kita memulakan pengambilan sejak tiga semester lalu dan sudah ada kira-kira 120 ahli. Mahasiswa menyertai badan beruniform ini mempunyai kelebihan kerana mereka didedahkan kepada pelbagai aktiviti dan kursus yang menerapkan kemahiran insaniah, antaranya kebolehan menyelesaikan masalah, kerja berkumpulan, kemahiran

kepemimpinan serta berkomunikasi," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Bebas buat pilihan

Beliau berkata, semua kemahiran itu sangat diperlukan majikan kini, malah kajian tertentu juga menyatakan majikan memerlukan pekerja memiliki kemahiran insaniah yang baik, terutama dalam empat aspek berkenaan.

"Kita sangat menggalakkan pelajar mengambil kesempatan dan peluang sepanjang menuntut di universiti untuk membabitkan diri dalam badan beruniform, terutama Pengakap KLKM atau mana-mana badan beruniform lain diminati.

"Bagi mahasiswa UPM, mereka bebas membuat pilihan mengikuti mana-mana

badan beruniform sama ada Pengakap, Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM).

"Selain memberi pene-kanan kepada pembabitan dalam badan beruniform, kita juga mahu memberi fokus kepada elemen kesukarelawanan dalam kalangan pelajar kerana ia komponen penting dan mampu memberi kemahiran insaniah secara menyeluruh, pada masa sama turut menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi yang memang menggalakkan pelajar menceburi program kesukarelawanan," katanya.

Sementara itu tahun ini, UPM diberi mandat oleh

Persatuan Pengakap Negeri KLKM untuk menjadi tuan rumah program Higher Institution National Exploration & Camping (HINEX) 2016 yang akan berlangsung antara 10 hingga 15 Oktober depan di Kem Hutan Nirwana, UPM Kampus Bintulu, Sarawak.

Forum Remaja

Program bertemakan 'Youth, Nature and Adventure' itu bertujuan mengumpulkan semua ahli Pengakap KLKM dari universiti seluruh negara dan melahirkan mahasiswa cergas serta memiliki ketahanan mental dan fizikal.

Prof Mohammad Shatar berkata, buat julung kalinya, UPM memperkenalkan komponen baharu dalam program HINEX dengan memperkenalkan Forum Remaja

bagi membolehkan peserta bertukar idea dan pendapat bersama-sama rakan dari dalam dan luar negara seperti Singapura, Indonesia, Brunei dan Hong Kong.

"Kita berharap program itu akan meningkatkan lagi kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa, khususnya pelajar UPM, terutama dalam kemahiran bahasa Inggeris kerana forum akan dikendalikan dalam bahasa itu.

"Melalui forum itu juga, kita bercadang mengusulkan penubuhan sekretariat pengakap kebangsaan atau ASEAN di mana kita ingin menjadi pengerusi pertama persatuan pada peringkat global yang diharap boleh jadi setaraf institusi lain seperti Higher Institution of South East Asia," katanya.



Majlis prapelancongan HINEX 2016 di UPM Kampus Bintulu, Sarawak.



UPM Kampus Bintulu, Sarawak, tersergam indah dengan suasana kondusif.